



27 Mac 2015
27 March 2015
P.U. (A) 57

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(PEMBEKALAN DIKECUALIKAN) (PINDAAN) 2015

*GOODS AND SERVICES TAX (EXEMPT SUPPLY)
(AMENDMENT) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PEMBEKALAN DIKECUALIKAN)
(PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 18(2) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) (Pindaan) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Mac 2015.

Pindaan Jadual Kedua

2. Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 [*P. U. (A) 271/2014*] dipinda dalam Jadual Kedua—

(a) dalam subbutiran 14(b), dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*]” perkataan “, atau latihan kemahiran yang diberikan oleh penyedia latihan kemahiran yang menjalankan program yang diluluskan dan ditauliahkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*]”;

(b) dengan menggantikan subbutiran 16(c)(iv) dengan subbutiran yang berikut:

“(iv) pendidikan tinggi yang dibuat mengikut kursus pengajian sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Pendidikan 1996, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Universiti Teknologi MARA 1976, Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996, yang diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia, atau latihan kemahiran yang diberikan oleh penyedia latihan kemahiran yang menjalankan program yang